



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/B/0007  
**Tarikh** : 18 Mei 2017

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BIL. 10 TAHUN 2017  
KAEDAH TUNTUTAN PLAN INSURAN LGM**

Dengan hormatnya Kenyataan Unit Pengurusan Sumber Manusia Bil. 8 Tahun 2016 mengenai Pelaksanaan Plan Insuran LGM dirujuk

2. Adalah dimaklumkan bahawa anggota LGM yang ingin membuat tuntutan insuran perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti di bawah:

Kategori Tuntutan	
<b>Kemasukan Hospital Swasta Bukan Panel Etiqua (Borang Seksyen A &amp; Seksyen B)</b>	<b>Elaun Harian Kemasukan Hospital Kerajaan (Borang Seksyen A)</b>
a. Borang tuntutan yang lengkap; b. Laporan perubatan dari Hospital; (Bagi tuntutan melebihi RM500) c. Inbois asal; d. Resit asal; dan e. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan	a. Borang tuntutan yang lengkap; b. <i>Discharge note</i> asal (yang telah disahkan oleh pihak hospital); dan c. Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan

3. Anggota diingatkan bahawa borang tuntutan yang lengkap diisi serta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan ke **Unit Pengurusan Sumber Manusia, Lembaga Getah Malaysia, 260 Jalan Ampang** dalam tempoh **50 hari** dari tarikh discaj/bil dikeluarkan.

4. Ini disebabkan pihak insuran hanya menerima tuntutan yang tidak melebihi 60 hari dari tarikh tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak UPSM memerlukan masa untuk memproses tuntutan tersebut ke pihak ETIQA.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Kreatif, Inovatif, Progresif”**

  
(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)